



Tetap menjadi pilihan!

Kuala Terengganu: Bekalan ikan berkurangan menyebabkan harga meningkat antara 10 peratus dan 30 peratus di negeri ini.

Tinjauan dilakukan mendapati harga ikan selayang meningkat antara RM12 dan RM15 sekilogram berbanding hanya RM8 dan RM10 sekilogram.

Harga ikan kembung juga turut meningkat kepada RM28 sekilogram berbanding antara RM20 dan RM22 sekilogram.

Walaupun harga meningkat, tetapi ikan dan makanan laut lain tetap menjadi pilihan pengguna.

Tinjauan di tapak pasar tani mendapati sotong dijual pada harga RM45 sekilogram, ikan tenggiri RM42 sekilogram, ikan merah RM45 sekilogram, kerisi RM16 sekilogram, udang harimau antara RM34 dan RM50 sekilogram, manakala ikan cencaru RM15 kilogram dan ikan bawal RM34 sekilogram.

Seorang peserta Pasar Tani Padang Hiliran, Khairul Azmi, 25, berkata kenaikan

harga ikan dan makanan laut berlaku disebabkan nelayan tempatan tidak turun ke laut disebabkan Monsun timur laut.

Katanya, bekalan ikan tempatan juga berkurangan menyebabkan berlakunya kenaikan harga sejak Ahad lalu.

"Kami hanya memperoleh bekalan ikan dan pelbagai hasil laut daripada pembekal daripada luar Terengganu," katanya.

Sementara itu, seorang suri rumah, Halimah Abd Halim, 43, dari Kampung Manir di sini, mengakui bekalan ikan dan hasil laut berkurangan.

Katanya, walaupun ikan dan hasil laut dijual di pasar kurang berkualiti, tetapi tetap menjadi pilihan keluarga.

"Ikan dan hasil laut yang dijual di pasar sejak Ahad lalu tidak seperti dihasilkan nelayan tempatan yang masih segar.

"Walaupun berlaku peningkatan harga, tetapi ikan dan hasil laut tetap menjadi pilihan ahli keluarganya," katanya.



PENGUNJUNG membeli ikan di Pasar Tani Padang Hiliran, Kuala Terengganu. - Gambar NSTP/BAHAROM BAKAR

MAHAL 30 PERATUS

METRO AHAD 4/12/2022 MS: 18

Faktor cuaca tidak menentu dorong peningkatan harga ikan

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
am@hmetro.com.my

Georgetown

Harga beberapa jenis ikan di pasar negeri ini dikesan mengalami kenaikan antara 20 hingga 30 peratus berikutan faktor cuaca tidak menentu kebelakangan ini.

Tinjauan di Pasar Chowrasta dan Pasar Taman Tun Sardon di sini mendapati harga ikan kembung dan sardin mencecah RM10 hingga RM12 kilogram manakala bawal hitam dijual pada harga RM28 hingga RM32 sekilogram.

Peniaga, Mohamad Ibrahim Abdul Hamid, 58, berkata, ada harga ikan yang menunjukkan sedikit penurunan misalnya cencaru dijual RM8 semalam berbanding

RM9 sekilogram minggu lalu, ia bergantung kepada cuaca dan jumlah penawaran ikan.

"Setakat ini harga makanan laut seperti sotong mencecah RM28 sekilogram dan ketam RM36 sekilogram kalau diikuti harga ini berpatutan kerana ia hasil laut segar yang antaranya diperoleh dari Batu Maung dan Gertak Sanggul dekat sini.

"Bekalan masih mencukupi cuma pelanggan yang membeli di pasar agak berkurangan dengan kebanyakan hasil laut di gerai saya dihantar kepada pengusaha kedai makan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Peniaga ikan import dari Thailand yang ingin dikenali sebagai Lam, 43, berkata, harga ikan import sejuk beku turut mengalami

peningkatan misalnya ikan kacang naik daripada RM17 kepada RM19 dan bawal naik sebanyak RM3 kepada RM25 sekilogram.

"Harga ikan kembung sejuk beku import juga naik daripada RM10 hingga RM11 kepada RM13 sekilogram manakala ikan cermin naik sebanyak RM1 hingga RM2 kepada RM16 sekilogram," katanya.

Peniaga laksa, Abdul Rahman, 59, berkata, dia membeli 10 kilogram ikan sardin atau kembung setiap hari pada harga RM12 hingga RM13 sekilogram setakat semalam serta kelmarin dan mendapati harga ikan itu mengalami turun naik antara RM1 atau RM2 beberapa minggu kebelakangan ini.

"Selain itu harga barang mentah yang sering saya gunakan seperti timun turut naik kepada RM4 se-

kilogram minggu ini berbanding RM2 minggu lalu jadi harganya kira-kira RM1.80 hingga 1.90 sebiji.

"Harga serbuk cili giling 125 gram sepaket turut naik 50 sen kepada RM3.80 sejak beberapa hari lalu dan saya guna tiga paket setiap hari selain harga salad mencecah RM5 sekilogram hari ini (semalam)," katanya.

Bagaimanapun, harga jualan ayam secara borong oleh pembekal kepada peniaga dinaikkan sebanyak 90 sen setakat Oktober lalu kembali diturunkan kepada 50 sen setakat semalam.

Peniaga ayam, Khairuddin Abdul Kader, 40, berkata, berikutan penurunan itu dia mendapat bekalan ayam standard pada harga RM8.70 seekor dan dijual pada harga RM9.40 mengikut harga siling yang ditetapkan kerajaan.